ABDUL RAZAK AHMAD

lwn.

KETUA PENGARAH KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & ALAM SEKITAR

MAHKAMAH TINGGI, JOHOR BAHRU
TUAN HAIDAR BIN MOHD NOOR H.
[SAMAN PEMULA NO. 24-830-1993]
7 FEBRUARI 1994

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: Deklarasi untuk memeriksa dokumen awam - Samada pemohon berhak untuk membuat pemeriksaan dan memiliki - Samada pemohon mempunyai kepentingan untuk dilindungi - Samada hak untuk memeriksa bergantung kepada kepentingan pemohon terhadap dokumen.

Plaintif dalam kes ini bertindak bagi dirinya dan memohon deklarasi bahawa beliau berhak untuk mendapatkan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar yang dibuat oleh defendan berhubung dengan projek pembinaan Kota Terapong di Selat Tebrau, Johor. Defendan tidak mempertikaikan bahawa laporan yang dipohon oleh plaintif adalah dokumen awam tetapi mempertikaikan kepentingan plaintif mengenai laporan tersebut dan seterusnya hak beliau untuk menginspek dan memilikkinya. Dalam afidavit sokongannya plaintif antara lain menyebut "sebagai seorang rakyat Malaysia dan penduduk Johor Bahru dan pembayar cukai yang akan terdedah dengan pembangunan projek tersebut saya mempunyai hak untuk mendapat tahu mengenai kesan projek itu kepada saya dan penduduk Johor Bahru". Persoalan yang timbul adalah samada plaintif mempuyai hak sepertimana yang dituntutnya.

Diputuskan:

[1] Oleh kerana statut tidak menyebut siapakah yang ada hak untuk memeriksa dan mendapat sesuatu dokumen awam, hak seseorang untuk inspek dokumen awam dan seterusnya untuk mendapat suatu salinan yang sah bergantung kepada kepentingan yang hendak dilindungnya.

[2] Projek yang dicadangkan ini adalah satu projek yang besar dan ada kaitan dengan kesan alam sekitar. Jika sebaliknya tidak perlu satu Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar disediakan dan kelulusan dari defendan diperolehi. Jika plaintif berpendapat bahawa pembinaan projek tersebut akan memberi kesan kepadanya dan juga penduduk-penduduk Johor

a Bahru amnya dari segi kesan alam sekitar maka plaintif adalah mempunyai kepentingan untuk dilindungi. Oleh yang demikian plaintif berhak untuk mendapat laporan berkenaan untuk mengetahui setakat mana kesan projek tersebut terhadapnya.

b *[Permohonan dibenarkan].*

Kes-kes yang dirujuk:

Khoo Siew Bee & Anor. lwn. Ketua Polis, Kuala Lumpur [1979] 2 MLJ 49 ***(dirujuk)***

Anthony Gomez lwn. Ketua Polis Daerah Kuantan [1977] 2 MLJ 24 ***(dirujuk)***

c *Bagi pihak plaintif - Abdul Razak Ahmad*
Bagi pihak defendan - Noor Azlan Ahmad, Peguam Persekutuan

ALASAN PENGHAKIMAN

Haidar bin Mohd Noor H:

d Di dalam saman pemula ini, plaintif Abdul Razak Ahmad telah memohon, di antara lain, suatu deklarasi di mana beliau berhak mendapatkan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar mengenai projek pembinaan Kota Terapong di Selat Tebrau yang akan dimajukan oleh Johor Coastal Development Sdn. Bhd. dan
e kelulusannya oleh defendan.

Plaintif bertindak bagi dirinya sendiri sunggpun mengikut perenggan 1 di dalam afidavitnya beliau ada menyatakan bahawa beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pencinta Alam Selat Tebrau, Negeri Johor.

f Ada sedikit kesilapan mengenai nama defendan di mana perkataan "Kementerian" sepatutnya digantikan dengan perkataan "Jabatan". Oleh sebab Encik Noor Azlan, Peguam Persekutuan yang bertindak bagi pihak defendan telah mengakui tidak akan mempertikaikan
g kesilapan ini maka tidak perlulah saya menimbang kesilapan tersebut.

Di dalam saman pemula ini, pihak defendan mengakui laporan yang dipohon itu adalah suatu dokumen awam tetapi apa yang dipertikaikan adalah hak plaintif untuk
h mendapat laporan tersebut iaitu, apakah kepentingan plaintif mengenai laporan tersebut? Plaintif di dalam afidavit sokongannya telah menyatakan kepentingannya di bawah perenggan 10 seperti berikut:

> *i* Saya menyatakan adalah tidak wajar bagi pihak defendan mendiamkan diri dan enggan bekerjasama untuk mengemukakan kepada saya laporan dan kelulusannya mengenai

Kesan Alam Sekitar bagi projek Kota Terapong di Selat Tebrau, Johor kerana sebagai seorang rakyat Malaysia dan penduduk Johor Bahru dan pembayar cukai yang akan terdedah dengan pembangunan projek tersebut saya mempunyai hak untuk mendapat tahu mengenai kesan projek itu kepada saya dan penduduk di Johor Bahru.

Pihak defendan tidak memfailkan apa-apa afidavit menjawab apa-apa fakta yang telah dinyatakan oleh plaintif di dalam afidavitnya. Dengan demikian, apa yang dikatakan di perenggan 10 yang saya sebutkan tadi tidaklah dipertikaikan lagi. Kes-kes yang telah dirujuk oleh Peguam Persekutuan adalah mengenai kes jenayah yang mungkin terhad sedikit. Suffian, KHN (pada ketika itu) berkata di dalam kes *Khoo Siew Bee & Anor lwn. Ketua Polis, Kuala Lumpur* [1979] 2 MLJ 49:

Be it noted that my ruling only applies to statements recorded from the accused, not from others who are potential witnesses against or for them - as to which the prosecution is under no duty to supply to the defence.

Walaupun demikian, kes-kes yang dirujuk oleh Mahkamah Persekutuan di dalam *Anthony Gomez lwn. Ketua Polis Daerah Kuantan* [1977] 2 MLJ 24 bolehlah dijadikan panduan di mana di m.s. 25 Suffian, KHN (pada ketika itu) berkata:

In *Mutter lwn. Eastern and Midlands Rly Co. Co.* Lr 38 Ch. D. 92, Lindley LJ 106 said:

When the right to inspect and take a copy is expressly conferred by statue, the limit of the right depends on the true construction of the statue. **When the right to inspect and take a copy is not expressly conferred, the extend of such right depends on the interest which the applicant has in what he wants to copy and what is reasonably necessary for the protection of such interest.** The common law right to inspect and take copies of public documents is limited by this principles ...

(tekanan dibuat oleh saya).

Di m.s. 26 pula, Suffian KHN (pada ketika itu) ada juga berkata:

In 1961 The full Bench of the Madras High Court (three judges) again considered this question in *State of Madras lwn. G Krishnan* AIR Mad 92 when Ramachandra Iyer J said at 96:

Section 76 entitles a person, who has a right to inspect a public dokument, to certified copy thereof. The section, however, does not specify the persons who would be entitled to inspect a public document. But judicial decisions have long ago settled that question. It has been held that the right to inspect a public document is correlated to the interest of the person who seeks inspection in the document; a mere curiosity or even an interest in some other matter which could perhaps be better served by the inspection, would not be sufficient.

Daripada kedua-dua kes yang dirujuk oleh Suffian KHN, satu kesimpulan bolehlah dibuat iaitu, hak seseorang untuk inspek dokumen awam dan seterusnya untuk mendapatkan satu salinan yang sah bergantung kepada kepentingannya dan apakah kepentingan yang dia hendak melindungi oleh sebab statut tidak menyebut siapakah yang ada hak inspek dan mendapat sesuatu dokumen awam. Dengan yang demikian perlulah saya menimbang kepentingan yang dituntut oleh plaintif

Adalah di dalam pengetahuan awam bahawa projek yang dicadangkan itu adalah suatu projek yang besar dan ada berkaitan dengan kesan alam sekitar. Jika sebaliknya, tidak perlu suatu Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar disediakan dan perlu diluluskan oleh defendan terlebih dahulu. Tidak dapat dinafikan bahawa projek Kota Terapong telah mendapat perhatian awam dari segi kesan alam sekitar. Sebagai seorang rakyat Malaysia dan penduduk Johor Bahru, saya berpendapat plaintif ada hak untuk mendapatkan laporan mengenai kesan alam sekitar bagi projek tersebut untuk mengetahui setakat mana kesan projek itu terhadapnya dan juga penduduk di Johor Bahru pada amnya dari segi alam sekitar, dengan yang demikian plaintif ada kepentingan untuk dilindungi. Sebelum plaintif dapat mengambil tindakan yang tertentu untuk melindungi kepentingannya, adalah wajar laporan itu (yang dipersetujui adalah dokumen awam) diberi kepada plaintif dengan syarat beliau membuat bayaran kepada defendan untuknya. Saya sesungguhnya percaya bahawa laporan yang dipohon itu bukanlah suatu rahsia lagi oleh kerana pengumuman awam telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu (lihat exhibit ARA-4, ARA-5, ARA-6 dan ARA-7).

Dengan keadaan yang demikian, saya membuat suatu perintah seperti dipohon oleh plaintif.